

CNS0733

R GB 01-10 00176 BA771

bah

BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS SEPATUTNYA TIDAK BERLAKU, KATA PM

Mahathir - Elektrik (Bergambar) '''

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, gangguan bekalan elektrik yang melibatkan hampir seluruh Semenanjung pada Selasa lepas, sepatutnya tidak berlaku.

Penyiasatan yang mendalam perlu diadakan untuk mengetahui punca-punca berlakunya masalah itu supaya ia tidak akan berulang lagi, kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, setibanya dari lawatan dua minggu ke Ireland dan Scotland serta persinggahan di London.

Beliau ditanya mengenai bekalan elektrik yang telah terputus di hampir kesemua negeri di Semenanjung sejak dua hari lepas. Bekalan hanya dapat dipulihkan sepenuhnya hari ini.

Inilah kali kedua bekalan elektrik terputus secara meluas selepas yang berlaku pada 1985, mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit terutamanya kepada kilang-kilang.

Apabila ditanya mengenai kesan kejatuhan mata wang negara Eropah, Dr Mahathir berkata, perkara itu diperjelaskan kepada Perdana Menteri Britain, John Major semasa perbincangan mereka kerana kejatuhan itu menjadikan barang eksport dari Malaysia lebih mahal. -- Lagi.

▼01/10/19-42MST

CNS0749

U GB 01-10 00123 BB749

bah

Mahathir-elektrik 2 Kuala Lumpur

Katanya kereta Proton Saga yang dieksport ke negara itu akan lebih mahal tetapi masih boleh lagi menyaingi harga kereta yang diimport terutamanya dari Jepun.

Bagaimanapun, barang-barang yang diimport dari negara itu seperti peralatan pertahanan, akan menguntungkan Malaysia jika dibayar pada masa sekarang.

Katanya krisis mata wang yang melanda beberapa negara Eropah tidak mungkin dapat dipulihkan jika negara-negara itu masih lagi mengamalkan cara kehidupan mewah +sedangkan mereka tidak mampu+.

Pelabur-pelabur tidak akan berminat untuk melabur di negara itu kerana para pengurus biasa dibayar dengan gaji yang tinggi sedangkan ekonominya tidak berkemampuan, kata Dr Mahathir.

Akibat daripada keengganan pelabur ini, ia akan mengakibatkan kadar pengangguran yang tinggi. -- Lagi

▼01/10/20-13MST

CNS0750

U GB 01-10 00135 BB750

bah

Mahathir-elektrik 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Di Ireland, beliau melawat beberapa kilang industri pesawat terbang, termasuk melihat bagaimana barangan komposit pesawat dikeluarkan oleh syarikat Short Brothers.

Dr Mahathir juga melawat limbongan kapal di Glasgow, tempat dua kapal frigate Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sedang dibina mengikut kontrak kerajaan dengan syarikat GEC-Marconi dari Britain.

Semasa di bandaraya Scotland itu juga, Perdana Menteri sempat bertemu dengan beberapa pegawai TLDM yang ditempatkan di limbongan berkenaan untuk menyelaraskan projek itu.

Mengenai isu Bosnia Herzegovina, Dr Mahathir berkata Ireland nampaknya bersimpati terhadap kesengsaraan rakyat Bosnia dan telahpun menerima kira-kira 200 pelarian setakat ini.

Britain pula, kata beliau, nampaknya masih teragak-agak dalam mengambil tindakan yang lebih tegas di Bosnia kerana mereka khawatir ramai askar mereka akan terbunuh. -- Bernama

▼01/10/20-13MST